



**Polisi kewangan syarikat yang kukuh dalam menekankan mekanisme perlindungan kadar tukaran asing dan pembelian gula mentah telah membantu kita di dalam mengemudi arus ketidaktentuan ini sepanjang enam bulan yang lalu dan kami berharap ia akan berterusan sepanjang tahun ini."**

**SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**  
**Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM**

## MSM catat untung bersih RM79.1 juta

**KUALA LUMPUR 19 Ogos** - Pengeluar gula bertapis terbesar negara, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM79.1 juta bagi suku kedua tahun kewangan 2015, meningkat 0.5 peratus daripada RM78.7 yang dicatatkan tempoh sama tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, walaupun terdapat sedikit penurunan perolehan sebanyak 1.2 peratus kepada RM588.3 juta berbanding RM595.4 juta pada suku kedua tahun lalu, margin keuntungan kasar mencatatkan peningkatan sebanyak 4.0 peratus kepada RM149.9 juta berbanding RM144.2 juta terutamanya disebabkan oleh penurunan kos jualan.

Katanya, prestasi kukuh syarikat itu telah menyumbang kepada inisiatif penjimatan kos bagi keseluruhan operasi syarikat.

"MSM kekal menguasai 64 peratus daripada pasaran gula tempatan walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar termasuklah pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat.

"Meskipun keadaan pasaran dan ketidakstabilan ekonomi memberikan cabaran, polisi kewangan syarikat yang kukuh dalam menekankan mekanisme perlindungan kadar tukaran asing dan pembelian gula mentah telah membantu kita di dalam mengemudi arus ketidaktentuan ini sepanjang enam bulan yang lalu dan kami berharap ia akan berterusan sepanjang tahun ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.